



Headline: Wang ASB lesap ditipu Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 5 March 2020

Language: Malay

Section: Nasional
Page: 18

Wang ASB lesap ditipu Macau Scam

Suri rumah rugi RM65,000, buat laporan polis

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seorang suri rumah di Temerloh kerugian RM65,000 apabila wang daripada akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB), miliknya lesap dipercaiyai angkara Macau Scam.

Kejadian bermula apabila mangsa yang berusia 53 tahun mendakwa menerima panggilan telefon sekitar awal bulan ini, daripada lelaki kononnya dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintend Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek meminta mangsa supaya tidak memberitahu kepada sesiapa mengenai perkara berkenaan.

"Pada hari sama, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lagi suspek yang memaklumkan mangsa hanya mempunyai masa lebih kurang dua jam sebelum segala asetnya dibekukan.

"Bagi mengelakkan dikenakan tindakan mahkamah serta penjara, suspek meminta mangsa memasukkan wang sebanyak RM70,000 ke dalam satu akaun yang diberikan," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa kemudian membuat dua kali pindahan wang ke dalam dua akaun berbeza masing-masing berjumlah

lah RM30,000 dan RM35,000.

"Sumber wang yang mangsa pindahkan berkenaan adalah dari wang simpanan ASB miliknya sendiri. Apabila sampai ke rumah, mangsa baru menyedari dia sudah ditipu dan datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh untuk membuat laporan polis.

"Suspek sangat licik dalam memanipulasi mangsa agar tidak menceritakan perkara itu kepada sesiapa, termasuk anak mangsa," katanya.

Katanya, pihak polis sudah mengenal pasti identiti pemilik akaun bank berkenaan dan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

"Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan individu yang berurusan di telefon dan media sosial bagi mengelak menjadi mangsa penipuan," katanya.

Fakta Nombor

2 kali

mangsa buat pindahan wang kepada suspek



Pada hari sama, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lagi suspek yang memaklumkan mangsa hanya mempunyai masa lebih kurang dua jam sebelum segala asetnya dibekukan. Suspek minta mangsa memasukkan wang sebanyak RM70,000.

**Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan
Jenayah Komersial Pahang**